

UTHM naib johan pertandingan Debat Perpaduan Antara IPT 2013

BATU PAHAT 16 Julai - Pasukan Debat Bahasa Melayu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya membawa pulang wang tunai RM5,000 selepas diumumkan sebagai naib johan dalam Pertandingan Debat Perpaduan Antara IPT di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah baru-baru ini.

UTHM yang diwakili oleh Amirul Faiz Abdul Latif, Awang Mohd. Nurjihan Awang Ali, Lee Te Chuan dan Mohd. Hasrul Effendi Muhd Salleh bertindak sebagai kerajaan ketika memperdebatkan usul 'PRU-13 Cerminan Perpaduan Di Malaysia'.

Empat mahasiswa UTHM itu tewas kepada pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ber-

tindak sebagai pembangkang yang diwakili Mohd. Daniel Baharuddin, Natalia Sonia Hii, Najah Izzati Sulaiman dan Muhd Fiqri.

Kejayaan pasukan UKM menewaskan UTHM membolehkan mereka meraih wang tunai RM7,000, piala pusingan dan piala iringan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Per-

dana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pertandingan debat itu dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), Kerajaan Sabah

dan Universiti Malaysia Sabah.

"Pertandingan ini menggunakan format Parlimen ASEAN iaitu dua buah pasukan terdiri daripada empat pendebat memainkan peranan sebagai kerajaan dan pembangkang.

"Dalam pertandingan kali ini sebanyak 33 pasukan debat yang mewakili 33 buah IPT dan Politeknik seluruh negara memperdebat 20 usul

yang telah disediakan," katanya.

Menurutnya, UTHM berjaya ke Pertandingan Akhir Debat Perpaduan Antara IPT 2013 setelah menewaskan pasukan debat Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat suku akhir dan di peringkat separuh akhir yang menyaksikan mereka mengalahkan pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM).